On 17 October 2005, the Company made an announcement to Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa"), stating its intention to implement a private placement exercise ("exercise") of up to 5,053,263 new ordinary shares of RM1.00. in Farm's Best ("Placement Shares") representing approximately 10% of the existing issued and paid-up share capital of the Company as at 7 October 2005 of RM50,530,263 comprising 50,530,263 ordinary shares of RM1.00 each. The exercise was approved by Bursa, Securities Commission ("SC") and Ministry of International Trade and Industry ("MITI") in November 2005.

The shareholders of the Company had subsequently on 9 December 2005 approved the exercise and on the same day, the Board of Directors fixed the issue price of the Placement Shares at RM1.11 per share for Bumiputera investors and RM1.35 per share for Non-Bumiputera investors respectively. The issue prices of RM1.11 and RM1.35 per Placement Shares represent discounts of approximately 30% and 15% respectively over the five (5)-day weighted average market price of Farm's Best shares up to and including 8 December 2005 of RM1.58 per share.

The first tranche of the Placement Shares of 2,500,000 shares was issued on 22 December 2005 at the fixed price of RM1.35 per share and granted listing on the Second Board of Bursa Malaysia Securities Berhad on 29 December 2005.

The second tranche of the Placement Shares of 2,500,000 was issued to a Bumiputera placee on 3 January 2006 at the fixed price of RM1.11 per share and granted listing on the Second Board of Bursa Malaysia Securities Berhad on 9 January 2006. The Board of Farm's Best did not place out the remaining 53,026 shares pursuant to the Placement Shares and the private placement exercise was deemed to be completed on 9 January 2006.



The total proceeds from the private placement exercise amounted to RM6,150,000, of which RM3,375,000 was received during the financial year and RM2,775,000 was received subsequent to the end of the financial year. As at the date of this Annual Report, all the proceeds from the private placement exercise have been fully utilized to defray the expenses for the exercise with the balance for working capital purposes.

## **9.2 Share Buy-Back**

During the financial year, there were no share buy-backs made by the Company.

## **9.3 Options, Warrants or Convertible Securities**

There were no new options, warrants or convertible securities issued during the financial year.

## **9.4 American Depository Receipt (“ADR”) or Global Depository Receipt (“GDR”) Programme**

The Company did not sponsor any ADR or GDR programme during the financial year.

## **9.5 Imposition of Sanctions and/or Penalties**

There were no sanctions and/or penalties imposed on the Company or its subsidiaries, directors or management by any relevant authority for the financial year ended 31 December 2005.

## **9.6 Non-Audit Fee**

There was a total amount of non-audit fees of RM19,000 for internal audit function which was paid or payable to the external auditors and their affiliate companies for the financial year ended 31 December 2005.

## **9.7 Variation in Results**

There was no deviation of 10% or more between the profit after taxation and minority interest stated in the 14 February 2006 announcement of unaudited results for the financial year ended 31 December 2005 and the audited financial statements of the Group for the financial year ended 31 December 2005.

## **9.8 Profit Guarantee**

The Company did not give any profit guarantee during the financial year.

## **9.9 Material Contracts**

There were no material contracts entered into by the Company and its subsidiaries involving Directors' and major shareholders' interest which were still subsisting at the end of the financial year or if not then subsisting, entered into since the end of the previous financial period.

## **9.10 Revaluation Policy on Landed Properties**

The Company did not adopt any revaluation policy on landed properties during the financial year.

# penyata tadbir urus korporat

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan agar standard tertinggi urus tadbir korporat diamalkan pada seluruh peringkat di Farm's Best Berhad (dahulunya sebagai Sinmah Resources Berhad) ("Farm's Best") dan Kumpulan anak-anak syarikatnya sebagai sebahagian penting dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengawal dan mengukuhkan nilai pemegang saham dan prestasi kewangan Kumpulan.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan kepada pemegang-pemegang saham mengenai cara Kumpulan mengamalkan prinsip-prinsip, dan tahap pematuhan amalan dan urus tadbir terbaik sebagaimana dikemukakan dalam Bahagian 1 dan Bahagian 2 Kod Malaysia mengenai Urus Tadbir Korporat ("Kod").

## 1. LEMBAGA PENGARAH

### 1.1 Lembaga

Farm's Best diketuai dan diuruskan oleh Lembaga yang berpengalaman terdiri daripada ahli dengan pelbagai pengalaman dalam bidang yang relevan seperti penternakan, pentadbiran perniagaan, perancangan, pembangunan dan pemasaran. Lembaga terdiri daripada sembilan (9) orang ahli.

Tiga (3) daripada sembilan (9) orang ahli Lembaga adalah Pengarah bukan eksekutif bebas. Dengan yang demikian, satu pertiga (1/3) daripada Lembaga terdiri

### 1.2 Mesyuarat Lembaga

Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan mesyuarat tambahan diadakan pada dan apabila diperlukan. Ianya bermesyuarat dua (2) bulan selepas akhir setiap suku tahunan kewangan, dimana, keputusan kewangan suku tahunan Kumpulan Farm's Best akan dibincang dan dipertimbangkan.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, Lembaga bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali. Butir-butir kehadiran adalah seperti berikut:

No. Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Lembaga yang Dihadiri
1 Y. Bhg. Datuk Wira Haji Abdul Razak Bin Alias	Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6 daripada 7
2 Fong Kok Yong	Pengarah Urusan	7 daripada 7
3 Fong Kiah Yeow	Pengarah Eksekutif	7 daripada 7
4 Fong Ngan Teng	Pengarah Eksekutif	7 daripada 7
5 Fong Choon Kai	Pengarah Eksekutif	7 daripada 7
6 Ng Cheu Kuan	Pengarah Eksekutif	6 daripada 7
7 Y. Bhg. Datuk Ng Peng Hay @ Ng Peng Hong	Pengarah Eksekutif	7 daripada 7
8 Tuan Haji Baharom Bin Abd. Wahab	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7 daripada 7
9 Mohd Khasan Bin Ahmad	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6 daripada 7

daripada Pengarah bukan eksekutif bebas. Kehadiran Pengarah-pengarah bukan eksekutif bebas memenuhi peranan penting dalam kebertanggungjawapan korporat. Sungguhpun semua Pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap Kumpulan, peranan Pengarah-pengarah bukan eksekutif bebas ini secara khususnya penting memandangkan mereka menyediakan pandangan nasihat dan pemikiran yang tidak berat sebelah dan bebas, untuk mengambil kira bukan sahaja kepentingan Kumpulan, tetapi juga kepentingan pemegang saham, kakitangan, pelanggan dan banyak komuniti dalam mana Kumpulan menjalankan perniagaannya. Syarikat mengiktiraf sumbangan Pengarah bukan eksekutif sama seperti ahli Lembaga ke arah pembangunan strategi Syarikat, menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham awam dan menyediakan pandangan yang seimbang dan bebas kepada Lembaga. Kesemua Pengarah bukan eksekutif adalah bebas daripada pengurusan dan tidak terikat dengan apa-apa perhubungan yang boleh mengganggu pembuatan keputusan bebas mereka.

Pengarah Bukan Eksekutif menyumbang secara ketara dalam bidang-bidang seperti polisi dan strategi, pengawasan prestasi, peruntukan sumber, serta juga mempertingkatkan urus tadbir dan kawalan. Encik Mohd Khasan Bin Ahmad bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Lembaga kepada siapa dimana apa-apa kebimbangan boleh dikemukakan.

### 1.3 Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan agenda dan satu set kertas Lembaga tujuh (7) hari sebelum mesyuarat Lembaga bagi membolehkan para Pengarah mendapat maklumat atau penerangan lanjut, apabila diperlukan, untuk diberi penerangan ringkas sewajarnya sebelum mesyuarat. Minit-minit mesyuarat Lembaga yang sebelumnya juga diedarkan kepada Pengarah dan disahkan pada setiap mesyuarat. Minit-minit mesyuarat Lembaga disimpan oleh Setiausaha Syarikat.

Terdapatnya jadual mengenai perkara-perkara yang secara khususnya dirizab untuk keputusan Lembaga, termasuk keputusan kewangan Kumpulan Farm's Best, rancangan perniagaan, arah tuju Kumpulan, pelaburan baru dan cadangan perniagaan, pengurusan atau prestasi perniagaan anak-anak syarikat, rancangan korporat dan belanjawan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan usahaniaga dan hartanah yang mempunyai nilai yang besar, pelaburan utama dan keputusan kewangan, perubahan kepada pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi dan prosedur penting dan had kuasa budi bicara.

Pengarah mendapat nasihat profesional bebas dalam melanjutkan tugas-tugas mereka, atas perbelanjaan Syarikat dan semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dalam membantu menjalankan tugas-tugas mereka.

### 1.4 Pelantikan Semula Para Pengarah

Selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat, satu pertiga (1/3) atau hampir dengan satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah yang pada masa ini akan bersara daripada jawatannya dan menjadi layak untuk pelantikan semula, dengan syarat tetap bahawa semua para Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan mereka sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun. Manamana orang yang dilantik oleh Lembaga samaada untuk mengisi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada para Pengarah sedia ada, akan memegang jawatan hanya sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang dan akan selepas itu layak untuk Pelantikan Semula.

## 2. JAWATANKUASA LEMBAGA

Jawatankuasa Lembaga berikut telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam penyempurnaan tanggungjawab mereka. Semua Jawatankuasa disenaraikan di bawah tidak mempunyai kuasa eksekutif tetapi akan melapor kepada Lembaga bagi semua perkara yang dipertimbangkan dan mengemukakan pengesyoran untuk kelulusan Lembaga (kecuali kuasa Jawatankuasa Audit untuk melaporkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Sekuriti") dalam keadaan-keadaan yang diterangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit):

### 2.1 Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit mengkaji isu-isu polisi perakaunan dan pembentangan bagi pelaporan kewangan luar, mengawasi fungsi audit dalaman dan memastikan objektif dan hubungan profesional dikekalkan dengan juruaudit luar. Jawatankuasa mempunyai akses penuh kepada juruaudit, yang sebaliknya, mempunyai akses pada sepanjang masa kepada Pengerusi Jawatankuasa.

Bidang tugas Jawatankuasa Audit dinyatakan pada muka surat-muka surat 45 hingga 47 Laporan Tahunan. Kegiatan Jawatankuasa Audit dalam tahun berakhir 31 Disember 2005 juga dibentangkan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit.

### 2.2 Jawatankuasa Imbuan Pengarah

Jawatankuasa Imbuan bagi tahun kewangan berakhir tahun 31 Disember 2005 adalah terdiri daripada seperti berikut:

No. Pengarah	Jawatan
1 Mohd Khasan Bin Ahmad	Pengerusi, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
2 Y. Bhg. Datuk Wira Haji Abdul Razak Bin Alias	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
3 Tuan Haji Baharom Bin Abd. Wahab	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
4 Fong Kok Yong	Pengarah Eksekutif
5 Fong Kiah Yeow	Pengarah Eksekutif

Jawatankuasa bertanggungjawab untuk membangunkan polisi imbuan dan menentukan pakej imbuan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif Farm's Best. Jawatankuasa membuat pengesyoran kepada Lembaga bagi kesemua elemen imbuan, terma-terma pekerjaan, struktur ganjaran dan faedah sampingan kepada Pengarah Eksekutif.

Penentuan imbuan para Pengarah Bukan Eksekutif merupakan urusan Lembaga secara keseluruhannya.

### 2.3 Jawatankuasa Penamaan

Bagi tahun kewangan bertakhir 31 Disember 2005, Jawatankuasa adalah terdiri daripada seperti berikut:

No. Pengarah	Jawatan
1 Y. Bhg. Datuk Wira Haji Abdul Razak Bin Alias	Pengerusi, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
2 Tuan Haji Baharom Bin Abd. Wahab	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
3 Mohd Khasan Bin Ahmad	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengesyorkan nomini baru kepada Lembaga serta Jawatankuasa Lembaga. Selain daripada itu, Jawatankuasa juga diberi kepercayaan dengan tugas menilai prestasi Pengarah-pengarah sedia ada atas dasar berterusan. Jawatankuasa Penamaan juga menimbangkan imbalan keahlian lembaga dan menentukan keupayaan dan kemahiran teras yang diperlukan daripada Lembaga.

#### 2.4 Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan (“ESOS”)

Terdapat Jawatankuasa ESOS ditubuhkan untuk mentadbir sebarang Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat (“ESOS”). Jawatankuasa ESOS terdiri daripada kakitangan pengurusan kanan. Pada tarikh laporan ini, tidak ada para Pengarah Syarikat yang menduduki Jawatankuasa ESOS.

Jawatankuasa ESOS mempunyai kuasa untuk mentadbir Skim dan untuk menerbitkan opsyen berhubung dengan ESOS pada bila-bila masa tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu selaras dengan Peruntukan Undang-undang Kecil sebagaimana diluluskan oleh pihak berkuasa relevan dan untuk tujuan tertentu sebagaimana Jawatankuasa ESOS mungkin anggap wajar.

### 3. LATIHAN PENGARAH

Sebagai elemen penting proses pelantikan Pengarah baru, Lembaga memastikan agar terdapat program orientasi dan pendidikan untuk ahli-ahli Lembaga yang baru. Ini disokong dengan lawatan ke lokasi-lokasi penting dan bermesyuarat dengan eksekutif-eksekutif kanan penting yang lain. Pengarah juga mendapat latihan selanjutnya dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan baru yang berkaitan serta risiko-risiko komersil yang sentiasa berubah.

Dalam suku keempat tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, Syarikat mempelawa pakar industri penternakan antarabangsa yang merupakan juruanalisis industri penternakan global, untuk memberi ceramah setengah hari mengenai perkembangan perniagaan penternakan global di kedua-dua pasaran penternakan di Malaysia dan antarabangsa, kepada Lembaga Pengarah Syarikat serta Pengurusan Kanan Kumpulan. Penceramah juga menyentuh secara ringkas mengenai kesan penyakit selsema burung terhadap pasaran penternakan di Malaysia dan negara-negara lain di Asia Tenggara.

Selain daripada yang di atas, semua Pengarah telah menghadiri dan dengan jayanya menamatkan Program Pentauliah Mandatori (“MAP”) yang dijalankan oleh Institusi Penyelidikan Juru Analisis Pelaburan Malaysia (“RIIAM”).

### 4. IMBUHAN PENGARAH

Butir-butir jumlah imbuhan para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Pengarah Eksekutif RM'000	Pengarah Bukan Eksekutif RM'000	Jumlah RM'000
Jumlah imbuhan			
Yuran	–	84	84
Gaji & lain-lain emolumen	2,061	–	2,061
Kos pencen – pelan caruwan dinyatakan	247	–	247
	2,308	84	2,392

Bilangan Pengarah-pengarah yang imbuhan mereka termasuk dalam kumpulan berikut:

	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif	Jumlah
Bawah RM50,000	–	3	3
RM200,001 hingga RM250,000	2	–	2
RM450,001 hingga RM500,000	4	–	4

## 5. KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN HUBUNGAN PELABUR

Lembaga mengiktiraf keperluan bagi pemegang-pemegang saham untuk dimaklumkan mengenai kesemua perkara perniagaan yang secara materialnya melibatkan Syarikat. Dengan yang demikian, Syarikat berkomunikasi dengan pemegang-pemegang sahamnya, pelabur-pelabur institusi dan berpotensi melalui pelbagai pengumuman yang dibuat dalam tahun semasa. Selain daripada itu, Lembaga juga memastikan penyiaran keputusan-keputusan kewangan tepat pada masa atas dasar suku tahunan untuk menyediakan pemegang-pemegang sahamnya dengan gambaran keseluruhan prestasi kewangan dan operasi Kumpulan Farm's Best.

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat juga adalah satu cara komunikasi dengan pemegang-pemegang sahamnya. Pemegang-pemegang saham yang tidak dapat hadir dibenarkan untuk melantik proksi bagi menghadiri dan mengundi bagi pihak mereka. Ahli-ahli Lembaga, serta juga juruaudit luar dan penasihat undang-undang Syarikat hadir untuk menjawab soalan yang ditimbulkan pada mesyuarat. Lembaga juga menggalakkan penyertaan daripada pemegang-pemegang saham melalui sesi soal dan jawab dalam AGM, di mana para Pengarah bersedia untuk menjawab soalan mengenai prestasi kewangan, operasi perniagaan dan prospek Kumpulan.

## 6. KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

### 6.1 Pelaporan Kewangan

Bagi pelaporan kewangan melalui laporan suku tahunan kepada Bursa Sekuriti dan laporan tahunan kepada pemegang-pemegang saham, para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk membentangkan penilaian yang adil mengenai kedudukan kewangan Kumpulan. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga dalam meneliti maklumat bagi pendedahan untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan maklumat.

### 6.2 Kawalan Dalaman

Lembaga bertanggungjawab dalam memastikan bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan dilaksanakan dan keberkesanannya dikaji secara kerap bagi memastikan kecukupan sistem ini.

Sebagai sebahagian daripada kawalan dalaman dan dalam pengurusan risiko harian, sistem-sistem berikut mengenai pelaporan dan proses serta prosedur standard wujud dalam Kumpulan:-

- a) Pelaporan sebenar bulanan – menyediakan prestasi kewangan yang relevan, boleh dipercayai dan terkini berbanding belanjawan, bulan sebelumnya dan tahun terdahulu termasuk penerangan terperinci mengenai apa-apa perbezaan yang besar.
- b) Pembahagian jelas autoriti yang wujud di antara Pengurusan anak-anak syarikat dan Lembaga Pengarah Kumpulan. Sejauh mana yang mungkin, anak-anak syarikat diberi autonomi manakala beroperasi dalam persekitaran kawalan dalaman yang mantap.

Kajian mengenai sistem kawalan dalaman dinyatakan di bawah Penyata Kawalan Dalaman pada muka surat 40 hingga 41 Laporan Tahunan.

### 6.3 Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar diterangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat-muka surat 45 hingga 47 Laporan Tahunan. Syarikat akan sentiasa mengekalkan perhubungan yang rapat dan telus dengan juruaudit-juruaudit luarnya dalam mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuhan piawaian-piawaian perakaunan di Malaysia.

### 6.4 Perhubungan dengan Pengurusan

Lembaga mengekalkan perhubungan yang rapat dan telus dengan semua kakitangan pengurusan. Lembaga dibekalkan dengan semua maklumat berhubung dengan pengurusan operasi melalui pelbagai laporan yang disediakan oleh kakitangan pengurusan. Ini akan membolehkan mereka untuk memahami operasi dengan lebih baik dan membuat keputusan dalam memandu Syarikat ke arah perniagaan yang menguntungkan. Selain itu, para Pengarah Eksekutif juga sering mengadakan mesyuarat pengurusan bulanan dengan kakitangan pengurusan untuk membincangkan dan merancang untuk operasi Kumpulan.

## 7. PENYATAAN PEMATUHAN DENGAN AMALAN TERBAIK KOD

Syarikat komited untuk mencapai standard tinggi urus tadbir korporat di semua peringkat Kumpulan dan tahap ketulusan dan standard etika tertinggi dalam kesemua urusan perniagaannya. Lembaga menganggap bahawa ia telah mematuhi pada sepanjang tahun kewangan dengan Prinsip dan Amalan Terbaik sebagaimana dikemukakan dalam Kod.

## 8. PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH

Lembaga Pengarah dikehendaki di bawah Perenggan 15.27(a) Syarat-syarat Penyenaraian untuk mengeluarkan pernyataan yang menjelaskan tanggungjawab mereka dalam penyediaan penyata kewangan tahunan. Para Pengarah dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran sebenar dan saksama akan hal ehwal Syarikat dan Kumpulan pada akhir tahun kewangan dan untung rugi Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan. Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan ini, para Pengarah telah:

- Menggunakan polisi perakaunan yang sesuai dan menggunakannya secara konsisten;
- Membuat keputusan dan anggaran yang munasabah dan berhemah; dan
- Menyatakan sama ada piawai perakaunan terpakai telah diikuti, tertakluk kepada apa-apa pemesanan material yang dinyatakan dan dijelaskan dalam penyata kewangan

Para Pengarah bertanggungjawab bagi menyimpan rekod perakaunan, yang dinyatakan dengan ketepatan munasabah pada bila-bila masa akan kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat 1965 dan piawai perakaunan terpakai di Malaysia.

Para Pengarah juga bertanggungjawab untuk mengambil langkah tertentu munasabah yang terbuka kepada mereka untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan untuk mencegah dan mengesan fraud dan lain-lain yang di luar aturan.

## 9. LAIN-LAIN MAKLUMAT

### 9.1 Pelaksanaan Korporat

Pada 17 Oktober 2005, Syarikat membuat pengumuman kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa"), menyatakan hasratnya untuk melaksanakan langkah penempatan swasta ("perlaksanaan") sehingga 5,053,263 saham biasa baru bernilai RM1.00 dalam Farm's Best ("Saham Penempatan") mewakili lebih kurang 10% daripada modal saham sedia ada Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada 7 Oktober 2005 sebanyak RM50,530,263 terdiri daripada 50,530,263 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pelaksanaan telah diluluskan oleh Bursa, Suruhanjaya Sekuriti ("SC") dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ("MITI") pada November 2005.

Pemegang-pemegang saham Syarikat kemudiannya telah pada 9 Disember 2005 meluluskan langkah tersebut dan pada hari yang sama, Lembaga Pengarah menetapkan harga terbitan Saham Penempatan masing-masing pada RM1.11 setiap saham untuk pelabur-pelabur Bumiputera dan RM1.35 setiap saham untuk pelabur-pelabur Bukan Bumiputera. Harga terbitan sebanyak RM1.11 dan RM1.35 setiap Saham Penempatan mewakili diskaun masing-masing sebanyak lebih kurang 30% dan 15% sepanjang lima (5) hari purata pasaran harga pasaran saham Farm's Best sehingga dan termasuk 8 Disember 2005 sebanyak RM1.58 setiap saham.

Tranche pertama Saham Penempatan sebanyak 2,500,000 saham telah diterbitkan pada 22 Disember 2005 pada harga tetap RM1.35 setiap saham dan diberikan penyenaraian pada Papan Kedua Bursa Malaysia Securities Berhad pada 29 Disember 2005.

Tranche kedua Saham Penempatan sebanyak 2,500,000 telah diterbitkan kepada seorang pelabur Bumiputera pada 3 Januari 2006 pada harga tetap RM1.11 setiap saham dan diberikan penyenaraian pada Papan Kedua Bursa Malaysia Securities Berhad pada 9 Januari 2006. Lembaga Farm's Best tidak menempatkan baki 53,026 saham selaras dengan Saham Penempatan dan langkah penempatan swasta dianggap sebagai selesai dilaksanakan pada 9 Januari 2006.

Jumlah perolehan daripada langkah penempatan persendirian berjumlah sehingga RM6,150,000, daripada mana sebanyak RM3,375,000 telah diterima dalam tahun kewangan dan sebanyak RM2,775,000 telah diterima selepas akhir tahun kewangan. Pada tarikh Laporan Tahunan ini, kesemua perolehan daripada langkah penempatan persendirian telah digunakan sepenuhnya untuk membiayai perbelanjaan bagi pelaksanaan tersebut dengan bakinya untuk kegunaan modal kerja.

## **9.2 Belian Balik Saham**

Dalam tahun kewangan, tidak ada belian balik saham oleh Syarikat.

## **9.3 Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar**

Tidak ada opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar baru diterbitkan dalam tahun kewangan.

## **9.4 Program American Depository Receipt (“ADR”) atau Global Depository Receipt (“GDR”)**

Syarikat tidak menaja apa-apa program ADR atau GDR dalam tahun kewangan.

## **9.5 Pengenaan Sanksi dan/atau Penalti**

Tidak ada sanksi dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat atau anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pengurusan oleh mana-mana pihak berkuasa berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

## **9.6 Yuran Bukan Audit**

Terdapat jumlah yuran bukan audit sebanyak RM19,000 untuk fungsi audit dalaman yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit luar dan syarikat-syarikat gabungan mereka melalui Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

## **9.7 Variasi dalam Keputusan**

Tidak ada pelencongan sebanyak 10% atau lebih di antara keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti dinyatakan dalam pengumuman pada 14 Februari 2006 mengenai keputusan tidak diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

## **9.8 Jaminan Keuntungan**

Syarikat tidak memberi apa-apa jaminan keuntungan dalam tahun kewangan.

## **9.9 Kontrak Material**

Tidak ada kontrak material yang ditandatangani oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang melibatkan para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama yang masih wujud pada akhir tahun kewangan atau jika tidak wujud pada ketika itu, ditandatangani sejak akhir tempoh kewangan sebelumnya.

## **9.10 Dasar Penilaian Semula ke atas Hartanah**

Syarikat tidak menerima pakai apa-apa dasar penilaian semula ke atas hartanah dalam tahun kewangan.

# statement on internal control

## 1. INTRODUCTION

This Statement on Internal Control is made in accordance with paragraph 15.27(b) of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, which requires the Board of listed issuers to make a statement about the state of internal control of the listed issuer, as a group, in the annual report.

## 2. RESPONSIBILITY

The Board acknowledges its responsibility for the Group's system of internal control, which includes the establishment of an appropriate control environment and framework as well as reviewing its adequacy and integrity. This system of internal control is meant to safeguard shareholders' investments and the Group's assets and it covers financial, operational and compliance as well as risk management.

Because of the limitations that are inherent in any system of internal control, this system is designed to manage, rather than eliminate, the risk of failure to achieve corporate objectives. Accordingly, it can only provide reasonable assurance but not absolute assurance against material misstatement or loss.

## 3. THE GROUP'S SYSTEM OF INTERNAL CONTROL

The Board is of the opinion that the Group has an adequate and conducive control environment for it to accomplish its business objectives. The Group's internal control system encompasses the Board and its various Board Committees with their specific terms of reference; an Executive Management that is accountable for all its actions and also various monitoring and review procedures that are embedded in the Group's processes. The Board also believes that these control processes should be regularly reviewed to ensure that an effective system of internal control is maintained within the Group.

Some of the key elements of the Group's internal control system are described below:

- Authority limits are established within the Group to provide a functional framework of authority in approving revenue and capital expenditures;
- Major investments, acquisitions and disposals are appraised prior to approval by the Board;
- A detailed budgetary process is in place where operating units prepare budgets for the forthcoming year and which are approved both at operating unit level and by the Executive Directors. The Group monitors its performance by comparing its monthly results against the budget and performance of the preceeding month, which requires all material variances to be identified, explained and reviewed by Executive Management on a timely basis;
- The Executive Directors review the monthly management accounts of all companies in the Group except for certain associated companies;
- The Executive Directors conduct monthly meetings with Management of all significant business units within the Group except for certain associated companies and foreign subsidiaries. From these monthly management meetings, the Executive Directors identify areas of significant risks and if considered necessary, request the internal audit function to review the financial and operational risks of the business unit concerned;
- The Executive Directors and members of the Management team make regular visits to operating units to ensure that the operating units are properly managed by personnel entrusted with the responsibility;
- The Group outsourced its internal audit function to KPMG Business Advisory Sdn. Bhd., an independent professional firm, which was appointed as the new internal auditor during the year under review, replacing Messrs. Ernst & Young. The scope of work performed by KPMG Business Advisory Sdn. Bhd. includes performing reviews of business processes and carrying out internal audit project to assess the adequacy and integrity of the internal control system, and highlighting to the Audit Committee significant areas for improvements as well as risks that may impact the business units concerned.
- There is a formal organizational structure with clearly defined lines of authority, responsibility and accountability within the Group;



During the year under review, KPMG Business Advisory Sdn. Bhd. carried out a cycle of internal audit on the breeder operations of the Group, covering the following processes and their underlying risks:

- Day-old-chicks (“DOCs”) production;
- Marketing, sales and distribution of DOCs;
- Human resource management;
- Regulatory management;
- Farm management;
- Procurement of materials;
- Inventory management;
- Maintenance of utilities and ventilation systems;
- Poultry health and quality assurance;
- Maintenance of plant and machinery; and
- Safety, health and environment.

The report on internal audit findings and follow up by Management on the recommendations thereof were reviewed and noted by the Committee during the Audit Committee Meetings held throughout the period under review. Improvement opportunities noted by the internal audit function during the financial year under review have been addressed, or are being addressed by Executive Management. The Board is of the view that there were no weaknesses in the internal control system that resulted in any material losses, contingencies or uncertainties that would require disclosure in the Group’s annual report.

The Board does not regularly review the internal control system of certain of its associated companies as the Board does not have any direct control over their operations. Notwithstanding, the Group’s interests are served through receipt and review of management accounts of the associated companies and enquiries made thereon, as appropriate.

Based on the above, the Board is of the opinion that there exists within the Group an adequate system of internal control that would enable the management of risks towards the achievement of its corporate objectives.

#### 4. RISK MANAGEMENT

The Group established a formal risk management framework in 2003 which enabled the Executive Management and the Board to share a common model in the effective communication and evaluation of all principal risks and controls. The process involved Executive Management’s identification of risks, assessment of risks and controls and formulation of appropriate action plans before these are escalated to the Board for review. The business risks identified were scored for likelihood of their occurrence and the magnitude of impact upon the Group. Prior to commencing internal audit work, KPMG Business Advisory Sdn. Bhd. reviewed and updated the Risk Profile of the Group.

The risk management processes were reviewed at Board meetings. The review includes matters relating to significant risks which may impede business objectives.

#### 5. CONCLUSION

The Board, in fulfilling its responsibilities, has ensured that the Group has a proper risk management and control framework that is necessary to achieve a sound system of internal control. The Board is assured that this system of internal control, which is reviewed on an ongoing basis, is adequate for the Group to manage its risks and to achieve its business objectives.

# penyata kawalan dalaman

## 1. PENGENALAN

Penyata mengenai Kawalan Dalaman ini dibuat selaras dengan perenggan 15.27(b) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memerlukan Lembaga penerbit tersenarai untuk membuat penyata berkenaan tahap kawalan dalaman penerbit tersenarai, sebagai kumpulan, dalam laporan tahunan mereka.

## 2. TANGGUNGJAWAB

Lembaga mengakui tanggungjawabnya bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan, yang termasuk penubuhan persekitaran kawalan dan rangka kerja yang sesuai serta mengkaji kelayakan dan integriti. Sistem kawalan dalaman ini dimaksudkan untuk mengawal pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan dan ia merangkumi kawalan-kawalan kewangan, operasi, pematuhan dan berperaturan serta risiko pengurusan.

Walau bagaimanapun, disebabkan batasan yang sedia ada dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini direka untuk mengurus, dan bukannya melupuskan, risiko kegagalan untuk mencapai objektif korporat. Selaras dengan itu, ia hanya boleh menyediakan jaminan munasabah tetapi bukan jaminan sepenuhnya terhadap salah nyataan atau kerugian material.

## 3. SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN

Lembaga berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai persekitaran kawalan yang mencukupi dan kondusif baginya untuk melaksanakan objektif perniagaannya. Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi Lembaga dan beberapa Jawatankuasa Lembaganya dengan bidang-bidang tugas khusus, pengurusan eksekutif yang bertanggungjawab bagi semua tindakannya dan juga beberapa prosedur pengawasan dan kajian yang terdapat dalam proses-proses Kumpulan. Lembaga juga percaya bahawa proses-proses kawalan ini hendaklah disemak secara kerap untuk memastikan agar sistem kawalan dalaman yang berkesan dikekalkan dalam Kumpulan.

Beberapa elemen penting daripada sistem kawalan dalaman Kumpulan digambarkan di bawah:

- Terdapat struktur organisasi rasmi dengan dinyatakan saluran yang dijelaskan tentang kuasa, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban dalam Kumpulan.

- Had kuasa telah diwujudkan dalam Kumpulan untuk menyediakan fungsi rangka kerja kuasa dalam meluluskan perbelanjaan hasil dan modal.
- Pelaburan besar, pengambilalihan dan pelupusan telah ditaksir sebelum diluluskan oleh Lembaga
- Butir-butir proses bajet tersedia di mana unit operasi menyediakan bajet untuk tahun akan datang yang telah diluluskan pada kedua-dua peringkat unit operasi dan oleh Pengarah Eksekutif. Kumpulan mengawal prestasinya dengan membandingkan keputusan bulannya terhadap bajet dan terhadap keputusan bulan sebelumnya, yang memerlukan semua varians material untuk dikenal pasti, diterang dan dikaji oleh Pengurusan Eksekutif atas dasar tepat pada masa.
- Pengarah Eksekutif mengkaji akaun pengurusan bulanan semua syarikat seluruh Kumpulan melainkan bagi syarikat-syarikat bersekutu tertentu.
- Pengarah Eksekutif mengendalikan mesyuarat pengurusan bulanan dengan pengurusan semua unit perniagaan penting dalam Kumpulan melainkan bagi syarikat bersekutu tertentu dan anak-anak syarikat asing. Daripada mesyuarat pengurusan bulanan ini, Pengarah Eksekutif akan mengenal pasti bidang risiko-risiko penting dan sekiranya dianggap perlu, meminta fungsi audit dalaman untuk mengkaji risiko kewangan dan operasi perniagaan unit berkenaan.
- Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli pasukan Pengurusan membuat lawatan kerap ke unit-unit operasi untuk memastikan bahawa unit-unit operasi telah diuruskan dengan baik oleh personel yang diamanahkan dengan tanggungjawab;
- Kumpulan mendapat khidmat luar ke atas fungsi audit dalaman kepada KPMG Business Advisory Sdn Bhd, firma profesional bebas, yang telah dilantik sebagai juruaudit dalaman baru dalam tahun di bawah kajian, menggantikan Tetuan Ernst & Young. Ruang lingkup kerja yang dijalankan oleh KPMG Business Advisory Sdn Bhd termasuk melaksanakan kajian proses perniagaan dan menjalankan projek audit dalaman untuk menilai kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, dan menonjolkan kepada Jawatankuasa Audit bidang-bidang bagi peningkatan serta risiko-risiko penting yang memberi kesan ke atas unit-unit perniagaan berkenaan.

Dalam tahun di bawah kajian, KPMG Business Advisory Sdn Bhd., menjalankan kitaran audit dalaman ke atas operasi pembiak baka Kumpulan, meliputi proses-proses berikut dan risiko-risiko mendasari masing-masing:

- Pengeluaran anak ayam sehari ("DOC");
- Pemasaran, jualan dan pengedaran DOC;
- Pengurusan sumber manusia;
- Pengurusan berperaturan;
- Pengurusan penternakan;
- Pemerolehan bahan-bahan;
- Pengurusan inventori;
- Penyelenggaraan utiliti dan sistem pengalihan udara;
- Kesihatan perternakan dan jaminan kualiti;
- Penyelenggaraan loji dan mesin; dan
- Keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Laporan mengenai penemuan audit dalaman dan susulan oleh pengurusan mengenai pengesyoran ke atasnya telah dikaji dan diambil perhatian oleh Jawatankuasa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit diadakan sepanjang tempoh di bawah kajian. Peluang peningkatan diambil perhatian oleh fungsi audit dalaman dalam tahun kewangan di bawah kajian yang telah dutangani, atau akan ditangani oleh Pengurusan Eksekutif. Lembaga berpendapat bahawa tidak terdapat kelemahan dalam sistem kawalan dalaman yang telah mengakibatkan sebarang kehilangan material, kontigensi atau tidak pasti yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.

Lembaga tidak secara kerap mengkaji sistem kawalan dalaman daripada syarikat bersekutunya memandangkan Lembaga tidak mempunyai sebarang kawalan langsung ke atas operasi mereka. Namun demikian, kepentingan Kumpulan diawasi melalui penerimaan dan kajian akaun pengurusan dan pertanyaan mengenainya yang dibuat ke atasnya, sebagaimana sesuai

Berdasarkan yang di atas, Lembaga berpendapat bahawa terdapat dalam Kumpulan sistem kawalan dalaman yang mencukupi yang akan membolehkan pengurusan risiko ke arah pencapaian objektif korporatnya.

#### **4. PENGURUSAN RISIKO**

Kumpulan mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko rasmi pada 2003 yang membolehkan Pengurusan Eksekutif dan Lembaga untuk berkongsi model yang sama dalam komunikasi dan penilaian berkesan semua risiko dan kawalan utama. Proses-proses melibatkan pengenalan pasti oleh Pengurusan Eksekutif akan risiko-risiko, penaksiran risiko dan kawalan dan perumusan rancangan tindakan yang sesuai sebelum perkara-perkara ini telah dibawa ke hadapan kepada Lembaga untuk kajian. Risiko-risiko perniagaan yang dikenalpasti telah dihitung bagi kemungkinannya berlaku dan tahap impak ke atas Kumpulan. Sebelum memulakan kerja audit dalaman, KPMG Business Advisory Sdn Bhd., mengkaji dan mengemas kini. Profil Risiko Kumpulan.

Proses pengurusan risiko telah dikaji di mesyuarat Lembaga. Kajian termasuk perkara-perkara berkaitan dengan risiko-risiko penting yang mungkin menghalang objektif perniagaan.

#### **5. KESIMPULAN**

Lembaga dalam memenuhi tanggungjawabnya, telah memberi jaminan bahawa Kumpulan mempunyai rangka kerja pengurusan dan kawalan risiko yang teratur yang perlu untuk mencapai sistem kawalan dalaman yang kukuh. Lembaga diberi jaminan bahawa sistem kawalan dalaman ini, yang dikaji atas dasar berterusan adalah mencukupi bagi Kumpulan untuk mengurus risiko-risikonya dan untuk mencapai objektif perniagaannya.

# report of the audit committee

The Board of Directors is pleased to present the following Audit Committee Report and its activities for the financial year ended 31 December 2005.

## 1. MEMBERS OF THE COMMITTEE

The Audit Committee comprises the following members:-

**Y. Bhg. Datuk Wira Haji Abdul Razak Bin Alias**

Chairman of the Committee  
and Independent Non-Executive Director

**Tuan Haji Baharom Bin Abd Wahab**

Independent Non-Executive Director

**Encik Mohd Khasan Bin Ahmad**

Independent Non-Executive Director

**Y. Bhg. Datuk Ng Peng Hay @ Ng Peng Hong**

Executive Director

## 2. TERMS OF REFERENCE

### 2.1 Composition

The Company shall appoint an Audit Committee member from amongst its directors and shall consist of not less than three (3) in numbers of whom a majority shall be independent directors. No alternate director is appointed as a member of the Committee and at least one (1) member of the Committee:-

- (a) shall be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or
- (b) if he is not a member of the Malaysian Institute of Accountants, he must have at least three (3) years' working experience and:
  - (i) he must have passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or
  - (ii) he must be member of one of the association of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967, or fulfils such other requirements as prescribed by the exchange.

The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among their number who shall be an independent director. In the event of any vacancy in Committee resulting in the non-compliance of the above stated conditions, the Company shall fill the vacancy within three (3) months. The Board of Directors of the Company shall review the term of office and performance of the Audit Committee and each of its members at least once every three (3) years to determine whether such audit committee and members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

### 2.2 Rights

The Audit Committee shall, in accordance with a procedure to be determined by the Board of Directors and at the cost of the Company:-

- (a) have authority to investigate any matter within its terms of reference;
- (b) have the resources which are required to perform its duties;
- (c) have full and unrestricted access to any information pertaining to the Company;
- (d) have direct communication channels with the external auditors and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- (e) be able to obtain independent professional or other advice; and
- (f) be able to convene meeting with the external auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

Where the Committee is of the view that a matter reported by it to the Board of Directors of the Company has not been satisfactorily resolved resulting in a breach of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"), the Audit Committee shall promptly report such matter to the Bursa Securities.

## 2.3 Meeting

The Audit Committee shall meet at least once in each quarter of a financial year and such additional meetings as the Chairman shall decide in order to fulfill its duties. The Company Secretary or any person appointed by the Audit Committee shall act as Secretary of the Audit Committee and shall be responsible, in conjunction with the Chairman, for drawing up the agenda and other supporting explanatory documentation for circulation to the Committee Members prior to each meeting. The Secretary will also be responsible for keeping the minutes of the meetings of the Audit Committee, and circulating them to Committee Members and to other members of the Board of Directors. The Chairman of the Audit Committee shall convene a meeting of the Audit Committee to consider any matter the external auditor believes should be brought to the attention of the Directors or shareholders. Other Directors and employees must attend any particular Audit Committee meeting only at the Audit Committee's invitation, specific to the relevant meeting.

A quorum shall consist of a majority of members present who must be independent directors.

## 2.4 Functions

The functions of the Audit Committee are as follows:-

1. Review the following and report the same to the Board of Directors of the Company:-
  - (a) the audit plan with the external auditor.
  - (b) with the external auditor its evaluation of the system of internal controls.
  - (c) the audit report with the external auditors.
